

1. Abang membelikan adik tiga cucuk _____ ayam dan daging ketika mereka pergi _____ sar tani pagi tadi.

- ☐ A bebenang
- ☐ B bebola
- ☐ C bebuli
- ☐ D bebiri

2. _____ syarikat itu diberi bonus setelah syarikat itu mendapat keuntungan yang besar.

- ☐ A Kakitangan-kakitangan
- ☐ B Pesuruhjaya-pesuruhjaya
- ☐ C Suruhanjaya-suruhanjaya
- ☐ D Jawatankuasa-jawatankuasa

3. Kelihatan perahu nelayan _____ dipukul ombak di tengah laut.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B berulang-alik
- ☐ C terhuyung-hayang
- ☐ D terumbang-ambing

4. Wajah Asmidar _____ apabila menerima pujian daripada Cikgu Sherizal atas kecemerlangannya dalam peperiksaan akhir tahun.

- ☐ A berbalam-balam
- ☐ B berpinar-pinar
- ☐ C berkilau-kilau
- ☐ D berseri-seri

5. Haikal berjalan _____ kerana kaki kirinya tercedera semasa bermain bola sepak dengan rakannya di padang.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terincut-incut
- ☐ C terengsot-engsot
- ☐ D terhinggut-hinggut

6. "_____ Shira merajuk kerana kita selalu mengusiknya," kata Yuet Moi kepada Mageswary.

- ☐ A Agak-agak
- ☐ B Lama-lama
- ☐ C Kalau-kalau
- ☐ D Entah-entah

7. Kami terkejut apabila pemuda itu _____ meluru ke arah kami.

- ☐ A laju-laju
- ☐ B tiba-tiba
- ☐ C mula-mula
- ☐ D cepat-cepat

8. Budak-budak itu berlari _____ apabila dikejar lembu gila yang terlepas dari kand

- ☐ A kelam-kabut
- ☐ B lintang-kedak
- ☐ C hingar-bingar
- ☐ D porak-peranda

9. Seorang kaki botol _____ di kaki lima kedai itu akibat mabuk.

- ☐ A tersengguk-sengguk
- ☐ B terhuyung-hayang
- ☐ C tergagap-gagap
- ☐ D tersipu-sipu

10. Juruukur bangunan itu mengukur sudut tepat dinding bangunan dengan menggunakan _____.

- ☐ A bebuli
- ☐ B sesiku
- ☐ C tetupai
- ☐ D kekuda

11. _____ yang rendang itu menjadi tempat kanak-kanak bermain pada waktu petang.

- ☐ A Tetupai
- ☐ B Kekuda
- ☐ C Dedaun
- ☐ D Pepohon

12. Hati Puan Melati _____ apabila teringat akan anak sulungnya yang sering menyakiti hatinya dengan _____ yang pedas.

- ☐ A kucar-kacir ... nada-nada
- ☐ B punah-ranah ... lagu-lagu
- ☐ C remuk-redam ... kata-kata
- ☐ D gundah-gulana ... puisi-puisi

13. Sabaruddin _____ ke tempat kerjanya di Kuala Lumpur kerana dia sudah lewat.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terketar-ketar
- ☐ C terkocoh-kocoh
- ☐ D termangu-mangu

14. Kami duduk di atas _____ di halaman rumah sementara menanti Pak Akob datang.

- ☐ A bebuli
- ☐ B bebalai
- ☐ C bebenang
- ☐ D bebawang

15. "Kita berkumpul di sini semula _____ pada pukul 3:00 petang," kata Nabil kepada _____ n-rakannya.

- ☐ A kira-kira
- ☐ B dekat-dekat
- ☐ C benar-benar
- ☐ D hampir-hampir

16. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Banyak pengunjung yang gemar _____ di kawasan peranginan itu.

- ☐ A ulang-alik
- ☐ B bolak-balik
- ☐ C mandi-manda
- ☐ D pindah-randah

17. Murid yang datang lewat itu _____ semasa menjawab soalan daripada guru disiplin.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terincut-incut
- ☐ C tersebut-sebut
- ☐ D tergagap-gagap

18. Mak Cik Limah mengisi sarung tilam itu dengan _____.

- ☐ A bebuli
- ☐ B lelabu
- ☐ C kekabu
- ☐ D bebenang

19. Tangan kanak-kanak itu _____ kerana terkena duri setelah tersesat di dalam hutan selama tiga hari.

- ☐ A calar-balar
- ☐ B kusut-masai
- ☐ C serbah-serbih
- ☐ D compang-camping

20. Amani tidak dapat tidur semalaman kerana asyik terdengar bunyi _____ buah durian yang gugur di belakang rumahnya.

- ☐ A letuk-letak
- ☐ B lesuk-lesak
- ☐ C lepak-lepak
- ☐ D letung-letang